



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/03/26 (HQ)

### PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN: TNB TERUS BERI KHIDMAT DEMI RAKYAT

- Warga kerja perkhidmatan kritikal TNB bertugas
- Tiada pemotongan bekalan
- Kedai Tenaga ditutup

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus memberikan perkhidmatan yang terbaik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, dengan memastikan penjanaan tenaga oleh stesen-stesen janakuasanya beroperasi dengan lancar, kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman.

“Selain penjanaan, warga kerja teknikal TNB yang terlibat secara langsung dalam klasifikasi perkhidmatan kritikal juga bekerja bagi memastikan semua pengguna mendapat perkhidmatan dan bekalan elektrik yang berterusan serta stabil,” katanya.

Mereka termasuklah anggota kerja teknikal di bahagian grid serta pembahagian elektrik, kerja-kerja penyambungan dan pemulihan bekalan.

Operasi kritikal lain yang turut beroperasi adalah perkhidmatan pelanggan TNB CareLine, kawalan keselamatan dan fasiliti janakuasa bergerak.

Beliau turut memaklumkan bahawa semasa tempoh PKP, aktiviti pemotongan bekalan ditangguhkan.

Manakala pembacaan meter TNB dan operasi Kedai Tenaga di seluruh negara juga dihentikan untuk menjaga kepentingan orang awam dan warga kerja TNB terlibat. Untuk sebarang urusan transaksi, pengguna dinasihatkan menggunakan kemudahan transaksi dalam talian, antaranya menerusi portal dan aplikasi myTNB.

Sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik, para pengguna diminta menghubungi TNB CareLine di 15454, Facebook TNB CareLine. Layanan dan tindakan sewajarnya akan diambil TNB.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 diumumkan Y.A.B. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin Isnin lalu ekoran penularan virus Covid-19.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 20 Mac 2020, jam 12:00 tengah hari**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

Captions:



Anggota keselamatan TNB menjalankan tugas rondaan sekitar Pencawang Masuk Utama (PMU) Subang Jaya Town Centre (SJTC) bagi memastikan aset-aset TNB berada dalam keadaan selamat dan baik.



TNB memastikan kesemua stesen janakuasanya berjalan lancar sepanjang tempoh PKP. Rondaan pegawai keselamatan juga berjalan seperti biasa bagi memastikan aset-aset TNB terpelihara dan berada dalam keadaan selamat dan baik.